

SIARAN AKHBAR

15 SEPTEMBER 2015

EKUINAS MELANCARKAN KUMPULAN PENDIDIKAN ILMU – SALAH SATU PENYEDIA PENDIDIKAN SWASTA MILIK BUMIPUTERA TERBESAR DI MALAYSIA

Fakta Utama: -

- Ekuinas melancarkan Kumpulan Pendidikan Ilmu (ILMU), kumpulan pendidikan swasta milik Bumiputera terbesar yang membuktikan kejayaan model perniagaan Ekuinas sebagai salah satu strategi inovatif Kerajaan untuk meningkatkan penyertaan ekonomi Bumiputera menerusi ekuiti persendirian dengan menubuhkan syarikat peneraju pasaran.
- ILMU adalah kumpulan penyedia pendidikan pelbagai jenama bersepadu yang terdiri daripada tujuh institusi-institusi di Malaysia dan Sri Lanka, menyediakan aktiviti pembelajaran menyeluruh kepada lebih 35,000 pelajar di 21 kampus yang meliputi pasaran K-12 (peringkat rendah dan menengah) serta pengajian tinggi. Untuk TK2014, ILMU mencatatkan hasil pendapatan tergabung pro forma antara tertinggi dalam industri sebanyak RM376.7 juta dengan EBITDA (sebelum kepentingan minoriti) yang melebihi RM100.0 juta.
- Melalui rangkaian institusi-institusinya, ILMU menyediakan persekitaran pembelajaran inovatif dan menyeluruh untuk para pelajarnya dengan tujuan membentuk bakat generasi muda masa hadapan dengan kemahiran yang memenuhi keperluan dunia sebenar.

KUALA LUMPUR, 15 September 2015: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, hari ini mengumumkan pelaksanaan proses penggabungan strategik portfolio pendidikannya dengan melancarkan Kumpulan Pendidikan Ilmu (ILMU).

ILMU adalah kumpulan penyedia pendidikan pelbagai jenama bersepadu yang terdiri daripada tujuh institusi-institusi di Malaysia dan Sri Lanka, menyediakan aktiviti pembelajaran menyeluruh kepada lebih 35,000 pelajar di 21 kampus yang meliputi pasaran K-12 (peringkat rendah dan menengah) serta pengajian tinggi.

Setakat ini, ILMU mempunyai enam institusi dalam negara dan satu di Sri Lanka di bawah naungannya. Tujuh institusi tersebut adalah Asia Pacific University (APU), UNITAR International University (UNITAR), Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC), Cosmopoint College (Cosmopoint), APIIT Sri Lanka, Tenby Schools dan Asia Pacific Schools.

Pelancaran ILMU dirasmikan bersama oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris Jusoh dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Sri Wahid Omar dalam satu majlis di Kuala Lumpur awal hari ini. Dalam ucapannya, Dato' Seri Idris menyatakan komitmen kerajaan terhadap pendidikan dengan dua pelan pembangunan yang digubal baru-baru ini – Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan Pelan Pembangunan Pengajian Tinggi Malaysia 2015-2025.

Dato' Seri Idris berkata, "Sektor swasta khususnya, mempunyai peluang untuk menyumbang ke arah pembangunan sistem pendidikan di Malaysia, dengan pelaburan dan penyelesaian inovatif yang boleh membantu meningkatkan kualiti sistem pendidikan negara secara menyeluruh. Dalam konteks ini, kami memuji usaha Ekuinas dalam melabur dengan signifikan dalam sektor pendidikan di Malaysia dan membina salah satu kumpulan pendidikan terbesar untuk menyediakan akses pendidikan yang berkualiti kepada semua, serta ILMU, dengan falsafahnya untuk meningkatkan kebolehpekerjaan melalui amalan dunia sebenar".

Mengulas mengenai pelancaran ILMU, Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata "Pembentukan ILMU didorong oleh hasrat untuk menubuhkan sebuah kumpulan pendidikan terkemuka milik Bumiputera yang bertujuan untuk menjadi penanda aras baru dalam industri. ILMU bertujuan menyediakan pengalaman pembelajaran yang memberi peluang kepada pelajar untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya dan seterusnya membawa manfaat besar kepada kehidupan mereka di masa hadapan".

Raja Tan Sri Arshad turut menambah, “Salah satu daripada sektor pelaburan teras kami ialah Pendidikan, yang mewakili hampir 23% daripada portfolio pelaburan setakat ini. Pelaburan besar ini dibuat berasaskan potensi pertumbuhan industri pendidikan yang amat positif, didorong oleh permintaan yang tinggi berikutan skala demografi penduduk yang menggalakkan, peningkatan pendapatan isi rumah di Malaysia dan pendaftaran pelajar antarabangsa yang semakin meningkat”.

Institusi-institusi pengajian tinggi ILMU telah mencipta reputasi kukuh dalam bidang-bidang tertentu di samping menyediakan kemudahan pengajian tinggi berpatutan yang merangkumi pelbagai jurusan. Pengambilalihan Tenby Schools baru-baru ini juga telah meluaskan pertumbuhan peringkat K-12 yang ditawarkan. Dengan portfolio yang kukuh, Kumpulan ILMU berada pada kedudukan yang baik untuk menjadi salah satu penyedia pendidikan terbesar dengan institusi yang pelbagai dan saling melengkapi.

Untuk TK2014, ILMU mencatatkan hasil pendapatan tergabung pro forma antara tertinggi dalam industri sebanyak RM376.7 juta dengan EBITDA (sebelum kepentingan minoriti) yang melebihi RM100.0 juta dan pendaftaran lebih 35,000 pelajar di peringkat rendah dan menengah (K-12) serta pengajian tinggi. ILMU kini bersedia untuk terus berkembang menerusi perkongsian pintar industri untuk memperkukuhkan kursus yang ditawarkan termasuk menerokai peluang perkembangan masa hadapan dalam pendidikan prasekolah dan vokasional. Melalui rangkaian institusi-institusinya, ILMU menyediakan persekitaran pembelajaran inovatif dan menyeluruh untuk para pelajarnya dengan tujuan membentuk bakat generasi muda masa hadapan dengan kemahiran yang memenuhi keperluan dunia sebenar.

ILMU diterajui oleh Amil Izham Hamzah, bekas Pengarah Kanan Pelaburan Ekuinas dan Ketua Pegawai Kewangan, Media Prima Bhd, dan kini berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ILMU. Berbekalkan pengalamannya yang meluas, Amil Izham akan merangka hala tuju ILMU untuk mencapai tahap pertumbuhan selanjutnya. Institusi-institusi di bawah ILMU dipimpin oleh profesional berpengalaman yang telah

menyumbang kepada industri pendidikan serta pembentukan ILMU sendiri seperti Datuk Dr Parmjit Singh, Ketua Pegawai Eksekutif dan juga pengasas APU yang mempunyai lebih daripada 30 tahun pengalaman dalam industri pendidikan dan juga berkhidmat sebagai Timbalan Presiden Persatuan Kolej dan Universiti Swasta Malaysia (MAPCU). Profesional-profesional penting lain termasuk Wan Ahmad Saifuddin Wan Ahmad Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif UNITAR; Mohamad Kamal Nawawi, Ketua Pegawai Eksekutif Cosmopoint Group of Companies; Dr Athula Pitigala Arachchi, Ketua Pegawai Eksekutif APIIT Sri Lanka dan Dato' Lim Si Boon, Pengarah Eksekutif Tenby Schools.

Dato' Sri Wahid Omar berkata, "Saya gembira dengan pelancaran ILMU sebagai kumpulan pendidikan swasta terbesar milik Bumiputera, yang mencerminkan satu lagi kejayaan model ekuiti persendirian Ekuinas sebagai salah satu strategi inovatif Kerajaan untuk meningkatkan penyertaan ekonomi Bumiputera dengan mewujudkan syarikat peneraju pasaran.

###

Mengenai Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Berbekalkan peruntukan RM5 bilion daripada Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat melahirkan syarikat terkemuka generasi baru di Malaysia sambil menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama, berkesan dan berdaya maju. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam bidang barangan pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan dan runcit.

Mengenai Kumpulan Pendidikan ILMU (ILMU)

ILMU ialah syarikat induk bagi semua syarikat pendidikan dalam portfolio pelaburan Ekuinas. Kumpulan tersebut terdiri daripada tujuh institusi di Malaysia dan Sri Lanka, menyediakan pendidikan serba lengkap kepada lebih 35,000 pelajar di 21 kampus yang memenuhi keperluan pendidikan dari peringkat K-12 sehingga peringkat pengajian tinggi. Kini, portfolio institusi ILMU termasuk:

Pengajian Tinggi: Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU), UNITAR International University (UNITAR), Cosmopoint Group yang terdiri daripada Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) dan Cosmopoint College, dan APIIT Sri Lanka.

K-12: Asia Pacific Schools (APS) yang terdiri daripada Asia Pacific Smart School (APSS) dan Asia Pacific International School (APIS), dan Tenby Schools.

Hubungan Media:

Hairuddin Mohd Noh, Weber Shandwick, HMohdNoh@webershandwick.com (03) 6209 5241

Amirah Aziz, Weber Shandwick, AAziz@webershandwick.com (03) 6209 5224